

46

SOALAN NO: 28

media sosial. Hampir **80%** daripada jumlah tersebut telah dipadam oleh penyedia platform media sosial seperti *Facebook* dan *Twitter* kerana melanggar terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal perkhidmatan masing-masing.

47
SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN@MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN - BN]**

TARIKH : 13 MAC 2018 (SELASA)

SOALAN NO.29

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- a) apakah usaha yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk meningkatkan lagi prestasi Persatuan Bola Sepak Malaysia Football Association of Malaysia (FAM) demi untuk memartabatkan lagi sukan bola sepak negara; dan
- b) jenis-jenis program dan latihan yang telah dirangka oleh Kementerian bagi memperkasakan lagi sukan bola sepak negara di kalangan belia-belia negara ini.

SULIT**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sentiasa bekerjasama dengan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dalam membantu meningkatkan kembali mutu bola sepak Malaysia sama ada di dalam dan luar negara. Bagi tujuan tersebut, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja (JKK) yang ditubuhkan bersama Majlis Sukan Negara dan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) telah bersidang sebanyak 6 kali ketika pelaksanaan program Kita Juara 2017. Ini adalah bagi mencapai kata sepakat berkaitan perancangan program latihan skuad bawah 22 tahun negara khususnya ke arah persediaan temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 yang lalu.
2. Walaupun skuad bawah 22 tahun negara hanya memenangi pingat perak di temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017, skuad berkenaan berjaya mencipta sejarah layak ke pusingan akhir kejohanan Piala Asia Bawah 23 tahun AFC 2018 di China dan seterusnya melakar sejarah layak ke suku akhir buat pertama kalinya di kejohanan tersebut.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sejak dilancarkan pada April 2014, Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) sehingga kini mempunyai 23,525 pelatih-pelatih terbaik di seluruh negara dalam peringkat umur 7 hingga 17 tahun. Buat pertama kali dalam sejarah bola sepak negara, kita mempunyai piramid

SULIT

pembangunan yang lengkap bagi menyalurkan di antara 1,000 ke 1,500 pemain setiap tahun yang berpotensi mengikat kontrak dengan kelab-kelab profesional dalam dan luar negara.

4. PPBN kini mempunyai lebih 1,000 orang jurulatih sepenuh dan separuh masa di seluruh negara dan menjalankan sirkit-sirkit Liga Remaja di setiap peringkat umur bermula dari 7 hingga 17 tahun. Dengan adanya pertandingan sepanjang tahun, maka pengenalpastian bakat dapat dijalankan dengan teratur bagi mengenal pasti bakat-bakat remaja terbaik negara untuk ditawarkan sebagai pelatih elit di Akademi Bola Sepak Negara Mokhtar Dahari (AMD), Gambang, Pahang.
5. Pelatih-pelatih elit AMD pula diberi pendedahan latihan dan pertandingan di luar negara setiap tahun bagi meningkatkan prestasi dan keyakinan mereka apabila bersaing dengan yang pemain-pemain terbaik dunia. Dalam masa yang sama, pelatih-pelatih elit ini akan sentiasa berada dalam radar akademi-akademi utama dunia setiap tahun. Sehingga kini, seramai 15 orang pelatih AMD berumur 14 dan 15 tahun telah mendapat tawaran dari kelab-kelab seperti Benfica, West Ham United, Lyon, Feyenoord, AZ Alkmaar, Tottenham Hotspur dan beberapa kelab-kelab Liga Jepun.

Sekian, terima kasih.